




#dudukantulis@ums

e-Rencana

Memanfaatkan masa PKP bersama ahli keluarga menerusi pengetahuan menghasilkan manik tanah liat polimer bukan sahaja meningkatkan kepakaran dalam bidang ini, bahkan juga satu pengalaman baharu dalam kalangan ahli keluarga sendiri.



Kedua-dua elemen ini, yakni memperkasakan ilmu dalam bidang yang diceburi dan pengetahuan baharu kepada ahli keluarga pasti akan menceriaikan suasana harian selagi mana rantaian COVID-19 ini tidak dapat diputuskan. Justeru, ini adalah peluang terbaik memantapkan kehidupan berkeluarga di samping dapat mengurangkan tekanan kepada krisis yang melanda dunia.

Pemilihan medium tanah liat sebagai bahan utama untuk menghasilkan rupa bentuk 3 Dimensi (3D) diperingkat awal adalah amat bersesuaian. Ini mengambilkira ciri dan karektor tanah liat yang mudah dibentuk dan dilentur. Namun begitu, terdapat pelbagai jenis tanah liat di pasaran. Pastikan anda memilih jenis yang sesuai.

Tanah liat atau lempung asli memerlukan campuran bahan lain sebelum proses pembuatannya dilakukan. Ianya melibatkan proses pembuatan, pengeringan dan pembakaran sehingga ke suhu yang tinggi menggunakan tanur pembakaran. Tanah liat yang bersifat plastisiti akan menukar karektor dari bersifat poros (tembikar) ke kekaca (seramik). Berbanding dengan tanah liat seperti *plastresin*, *play dough*, *paper clay*, *jumping clay*, *air clay* dan *polimer clay*, kumpulan

Teknik Menghasilkan Manik Tanah Liat Polimer

- Norhavati Avob

tanah liat ini melibatkan teknik dan proses yang sangat mudah serta memiliki pelbagai pilhan jenis warna.

Sering kali berlaku kekeliruan kepada pengguna untuk membezakan tanah liat *plastresin* dan *polimer*. Jika dilihat dengan mata kasar ianya kelihatan sama, namun sifat dan cirinya sangat berbeza. *Plastresin* dihasilkan daripada lilin, sifatnya lebih berminyak dan tidak akan mengeras. *Polimer* pula dihasilkan dari PVC (polyvinyl chloride) tidak mudah mengeras dan perlu dibakar pada suhu 180°C selama 10 minit untuk mengekalkan bentuk yang dihasilkan. Manakala *play dough*, *paper clay*, *jumping clay* dan *air clay* pula akan mudah mengekalkan bentuk dan mengeras apabila terdedah pada udara.

Pembuatan manik ini adalah berdasarkan Teknik Millefiori atau Murrine yang merupakan teknik dekorasi kaca yang bermula di Itali. Rod kaca dari pelbagai warna dicantumkan untuk menghasilkan corak dalam bentuk silinder. Dari satu bentuk silinder yang sama, ianya akan menghasilkan pengulangan corak yang sama. Di Itali, ianya dipanggil sebagai '*a thousand flowers*', kerana setiap kepingan rod kaca yang dipotong nipis dapat menghasilkan corak yang sama.

Sebagai permulaan, corak bunga menggunakan tiga jenis tanah liat polimer (merah, hijau dan kuning) akan dihasilkan dahulu. Keunikan tanah liat polimer yang berwarna-warni dan mudah dicampurkan, memudahkan lagi proses mendapatkan tona warna yang dikehendaki. Seterusnya, langkah-langkah berikut perlu dilakukan untuk menghasilkan Millefiori corak bunga.



Akhir sekali, masukan tanah liat polimer yang telah siap berbentuk manik ke dalam ketuhar panas untuk dibakar pada suhu 180°C selama 10minit. Manik tanah liat polimer akan kekal bentuknya dan sedia untuk digunakan. Keunikan teknik Millefiori ini, memudahkan penghasilan corak yang sama pada pelbagai permukaan dengan kadar yang segera. Saiz dan corak yang dihasilkan bergantung kepada kepadatan tanah liat polimer digulung menjadi bentuk silinder. Mudah, cepat dan ringkas untuk dihasilkan.



Ahli keluarga saya dapat mempelajari dan melakukannya dengan mudah. Anda bagaimana? Cubalah, selagi dapat berkumpul dengan ahli keluarga tersayang dalam PKP ini. **Selamat mencuba.**